



“KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-60” PERTANDINGAN KOMPOSISI LAGU NYANYIAN

Syarat & Peraturan

1. Tajuk: **“KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-60” PERTANDINGAN KOMPOSISI LAGU NYANYIAN**
2. Objektif:
 - a) Sambutan Kemerdekaan Malaysia Ulang Tahun ke-60, menggalakkan patriotisme kepada generasi.
 - b) Merangsang dan menggalakkan semangat penciptaan karya muzik, di samping menemui potensi komposer.
 - c) Memaduan dan memupuk untuk mencipta karya kreatif komposisi lagu tempatan, memperkenalkan suasana penghargaan seni budaya di antara masyarakat.
 - d) Menggalakkan interaksi budaya antara pelbagai etnik di Malaysia.
3. Penganjur: **Komiti Kebudayaan dan Pelajaran, Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur dan Selangor (DPCKLS-KKP)**
4. Tarikh Penyerahan Ciptaan Lagu: **Mulai hari ini hingga 14^{hb} Ogos 2017.**
5. Syarat:
 - a) Semua rakyat Malaysia boleh menyertai pertandingan ini.
 - b) Peserta hanya boleh menghantar maksimum 3 karya muzik, lembaran muzik yang lengkap perlu dikemukakan bersama borang penyertaan.
 - c) Peserta perlu memilih atau mengarang puisi yang bertema **patriotisme Malaysia** untuk ciptaan karya muzik. Tempoh karya muzik tidak boleh melebihi daripada 8 minit.
 - d) Semua ciptaan karya muzik adalah "unplugged". Peserta boleh mencipta lagu solo atau duet, dengan menggunakan salah satu atau kedua-dua alat muzik di bawah:
 - i) Piano.
 - ii) Sejenis instrumen atau alat muzik tradisi rakyat Malaysia.
 - e) Penganjur akan memberi notis awal kepada peserta yang berjaya masuk finalis untuk persiapan pembentangan. Keputusan akhir hanya akan diumumkan pada malam Pembentangan.
 - f) Finalis perlu menguruskan pembentangan sendiri. Elaun pembentangan akan diberi oleh pihak penganjur (RM500).
 - g) Jika peserta tidak dapat membentangkan karya, akan dianggap menyerah anugerah.
 - h) Yuran Pendaftaran: **RM30** (termasuk 6% GST)
6. Pembentangan: Ciptaan karya finalis perlu dibentangkan pada malam seperti berikut.

Tarikh: **20^{hb} SEPTEMBER 2017 (RABU)**
Tempat: Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor
Para finalis dan pembentangan perlu melaporkan diri setengah jam lebih awal sebelum acara bermula. Mereka yang lewat akan dianggap menarik diri. Penganjur akan memutuskan giliran pembentangan melalui cabutan, dan tidak menerima sebarang bantahan.

7. Cara Penyertaan: Peserta perlu mengisi borang penyertaan, kepilkan bersama satu salinan Kad Pengenalan dan satu salinan lembaran muzik yang lengkap untuk dikemukakan kepada pihak penganjur.
Jika demo direkodkan, sila kemukakan salinan bersama. (sekiranya ada)
Borang penyertaan boleh muat turun di: **www.klscach.org.my**
8. Tarikh Luput Penyertaan: **pukul 5 ptg, 14^{hb} Ogos 2017 (Isnin)**. Penyertaan yang lewat tidak akan diterima oleh pihak penganjur.
Finalis akan dimaklumkan sebelum 31^{hb} Ogos 2017 (Khamis).
9. Ulasan: a) Penganjur menjemput guru-guru muzik berpengalaman di bawah sebagai hakim:
b) Keputusan hakim adalah muktamad dan pihak penganjur tidak akan menerima sebarang bantahan.
10. Hadiah: Johan (1) : Sijil + Wang Tunai RM2,000
Naib Johan (1) : Sijil + Wang Tunai RM1,000
Tempat Ke-3 (1) : Sijil + Wang Tunai RM500
Sagu Hati (5) : Sijil + Wang Tunai RM300
Pembentang Terbaik (1) : Sijil + Wang Tunai RM300
Setiap peserta akan mendapat sijil penyertaan.
11. Pertanyaan: Laman Web DPCKLS: www.klscach.org.my
“KEMERDEKAAN MALAYSIA KE-60”
PERTANDINGAN KOMPOSISI LAGU NYANYIAN
Komiti Kebudayaan dan Pembelajaran
Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur Dan Selangor
No.1, Jalan Maharajalela, 50150 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2274 6645, Fax: 03-2272 4089
E-mail: sookhaien@klscach.org.my
12. Penambahan: a) Penganjur mempunyai hak untuk mengubah hari anugerah dan pembentangan di bawah keadaan tertentu.
b) Pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan yang melanggar syarat dan peraturan.
c) Penganjur mempunyai hak untuk mengguna dan menerbitkan karya-karya muzik semua peserta dalam apa jua bentuk.
d) Penganjur memegang hak cipta dalam bidang rakaman, video dan penyiaran bagi pertandingan ini.
e) Jika terdapat apa-apa kekurangan dalam syarat dan peraturan ini, pihak penganjur mempunyai hak untuk mengubahnya.